

15/10/1998

Agensi pelancongan pertingkat promosi

KUALA LUMPUR, Rabu - Pengusaha hotel dan persatuan agensi pelancongan memberi jaminan memanfaatkan segala kemudahan dan sumber kewangan masing-masing bagi mempromosi sektor pelancongan negara ke seluruh dunia.

Presiden Persatuan Agensi Pelancongan dan Pengembaraan Malaysia (MATTA), Ahmad Kamil Abdullah, berkata lebih 700 ahlinya sudah pasti akan mengemas kini program publisiti bagi menembusi pasaran pelancongan di negara yang berpotensi.

Menurutnya, persatuan itu sendiri sudah menyusun rancangan untuk menembusi pasaran pelancongan baru termasuk di Timur Tengah, Russia, India, China dan beberapa negara Afrika.

"Pendekatan yang disarankan Perdana Menteri untuk meneroka pasaran baru dan memanfaatkan kemudahan sedia ada bagi memperkenalkan Malaysia sebagai sebuah negara pelancongan, akan diberi perhatian khusus.

"Kami akan memastikan ahli yang mengeluarkan sendiri perbelanjaan bagi tujuan promosi dan publisiti memanfaatkan pendekatan itu kerana saranan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad memberi petanda positif bagi menceriakan industri pelancongan negara," katanya.

Semalam, Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Datuk Sabbaruddin Chik, berkata Dr Mahathir mahu agensi pelancongan dan hotel memainkan peranan lebih aktif memberi publisiti mengenai sektor pelancongan negara ke seluruh dunia.

Sabbaruddin berkata, Perdana Menteri menyarankan supaya industri pelancongan melihat potensi pasaran baru serta memperhebatkan publisiti bagi pasaran sedia ada.

Antara langkah yang disarankan termasuk mengubah suai cara periklanan, seperti menunjukkan lebih banyak gambar, menganjurkan acara lawatan secara berterusan dan pemasaran berterusan, memperbanyakkan kegiatan periklanan, mempromosikan negara sebagai destinasi pelancongan kesihatan yang masih tidak dilaksanakan.

Dr Mahathir juga memberi jaminan untuk menambah peruntukan RM11 juta yang diberi bagi kegiatan promosi pelancongan tahun ini.

Pada 1988 peruntukan bagi kegiatan pelancongan ialah RM46.4 juta, RM33.8 juta (1989) dan 28.3 juta (1990).

Mengikut perangkaan terbaru, jumlah pelancong yang berkunjung ke negara ini mengalami kemerosotan daripada 7.1 juta pada 1996 kepada 6.2 juta tahun lalu, manakala jumlah perolehan turut dilaporkan menurun daripada RM11.2 bilion kepada RM10.5 bilion.

Sementara itu, Pengurus Komunikasi Pemasaran sebuah hotel terkemuka, Julini Mohd Yusof, berkata pihak hotel perlu melaksanakan program pengiklanan secara lebih berkesan bagi mempertingkatkan industri pelancongan.

Bagaimanapun, katanya, pihak hotel perlu menggunakan sumbernya untuk melaksanakan program yang berpotensi.

"Kami turut mengambil langkah berterusan bagi mengeratkan hubungan dengan pelanggan dan mencari pasaran baru dalam usaha mengalakkan perniagaan membabitkan pengembaraan dan penjelajahan di Malaysia," katanya.

(END)